

Faedah-faedah Mempelajari Komputer

Komputer telah menjadi sebahagian daripada hidup kita. Pada masa kini banyak perkara perlu dilakukan dengan menggunakan komputer. Oleh itu, wajarlah murid-murid berusaha 1. _____ (掌握) ilmu komputer sejak dari sekolah rendah lagi agar serasi dengan perkembangan pembelajaran era baharu ini.

Antara faedah mempelajari komputer ialah 2. _____ (使方便) kita memperoleh pelbagai maklumat yang dikehendaki. Kita boleh mencari pelbagai maklumat melalui komputer dengan 3. _____ (浏览) Internet.

Selain itu, komputer juga membolehkan kita belajar dengan menggunakan 4. _____ (软件) tertentu atau secara dalam talian. Ini memudahkan pelajar memahami pelajaran dan menambahkan 5. _____ (兴趣) mereka untuk terus mengikuti pelajaran.

Di samping itu, kerja-kerja dokumentasi akan lebih mudah apabila dilaksanakan oleh seseorang yang 6. _____ (精通) komputer. Maklumat yang disimpan di dalam komputer juga boleh diubah malah 7. _____ (被更新) jika adanya kesilapan tanpa perlu menaip semula.

Kemahiran dalam penggunaan komputer juga dapat membantu seseorang 8. _____ (处理) fail atau data-data penting dengan lebih mudah dan selamat. Ini penting untuk 9. _____ (避免) kita daripada masalah dan kerugian akibat kehilangan data-data atau fail-fail tersebut.

Dalam pada itu, komputer juga boleh menghiburkan kita. Pelbagai aktiviti yang menghiburkan dapat dilakukan seperti bermain melalui perisian komputer. Ini boleh 10. _____ (使休息) minda kita setelah penat belajar, asalkan tidak dilakukan secara berlebihan sehingga 11. _____ (忽略) pelajaran.

Kesimpulannya, mempelajari komputer sememangnya banyak mendatangkan faedahnya. Tambahan pula, pada masa ini banyak perkara perlu dilakukan dengan menggunakan komputer. Oleh itu, tanamkan sikap ingin mempelajari komputer agar kita tidak 12. _____ (落后) dalam arus permodenan.

Disediakan oleh hlp.edupassion@gmail.com